



19 Mac 2015
19 March 2015
P.U. (A) 50

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN
*FEDERAL GOVERNMENT
GAZETTE*

PERINTAH CUKAI PENDAPATAN (PENGECUALIAN)
(NO. 2) 2015

INCOME TAX (EXEMPTION) (NO. 2) ORDER 2015



DISIARKAN OLEH/
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA/
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA CUKAI PENDAPATAN 1967

PERINTAH CUKAI PENDAPATAN (PENGECUALIAN) (NO. 2) 2015

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh perenggan 127(3)(b) Akta Cukai Pendapatan 1967 [*Akta 53*], Menteri membuat perintah yang berikut:

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Perintah ini bolehlah dinamakan **Perintah Cukai Pendapatan (Pengecualian) (No. 2) 2015**.

(2) Perintah ini berkuat kuasa mulai tahun taksiran 2015.

Tafsiran

2. Dalam Perintah ini—

“aktiviti yang layak” ertiya apa-apa aktiviti yang berhubungan dengan penganugerahan status syarikat Koridor Raya Multimedia, dan—

(a) yang dijalankan oleh syarikat yang layak di luar kawasan yang ditentukan oleh Kerajaan Malaysia sebagai bandar siber atau pusat siber Koridor Raya Multimedia, dalam tempoh pengecualian yang dinyatakan dalam subperenggan 3(1); atau

(b) yang dijalankan oleh syarikat yang layak di dalam kawasan yang ditentukan oleh Kerajaan Malaysia sebagai bandar siber atau pusat siber Koridor Raya Multimedia dalam tempoh pengecualian lanjutan yang diberikan di bawah perenggan 4;

“perniagaan perintis” mempunyai erti yang sama yang diberikan kepadanya dalam subseksyen 2(1) Akta Penggalakan Pelaburan 1986 [*Akta 327*];

“syarikat yang layak ” ertinya suatu syarikat—

- (a) yang diperbadankan di bawah Akta Syarikat 1965 [*Akta 125*];
- (b) yang bermastautin di Malaysia;
- (c) yang telah membuat permohonan kepada Menteri Kewangan dan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri untuk dianugerahkan status syarikat Koridor Raya Multimedia pada atau selepas 1 Januari 2015 dan belum menjalankan aktiviti yang layak pada masa permohonan itu dibuat; dan
- (d) telah dianugerahkan status syarikat Koridor Raya Multimedia;

“tempoh pengecualian” ertinya tempoh pengecualian yang dinyatakan dalam subperenggan 3(1) atau apa-apa tempoh pengecualian lanjutan yang diberikan di bawah perenggan 4, mengikut mana-mana yang berkenaan.

Pengecualian

3. (1) Menteri mengecualikan suatu syarikat yang layak daripada pembayaran cukai pendapatan dalam tempoh asas bagi suatu tahun taksiran berkenaan dengan pendapatan berkanun yang diperoleh daripada suatu aktiviti yang layak bagi tempoh lima tahun mulai dari tarikh sebagaimana yang ditentukan oleh Menteri.

(2) Pengecualian yang diberikan di bawah subperenggan (1) hendaklah tertakluk kepada syarikat yang layak mematuhi syarat yang dikenakan berkenaan dengan penganugerahan status syarikat Koridor Raya Multimedia kepadanya dan apa-apa syarat lain yang dikenakan oleh Menteri.

(3) Tiada apa-apa juga dalam subperenggan (1) boleh membebaskan atau disifatkan telah membebaskan syarikat yang layak daripada mematuhi apa-apa kehendak untuk mengemukakan apa-apa penyata atau penyata akaun atau memberi apa-apa maklumat lain di bawah Akta.

Pelanjutan tempoh pengecualian

4. (1) Menteri boleh melanjutkan tempoh pengecualian yang disebut dalam subperenggan 3(1) bagi tempoh lima tahun lagi tertakluk kepada syarat sebagaimana yang ditentukan oleh Menteri.

(2) Permohonan bagi pelanjutan tempoh pengecualian hendaklah dibuat oleh syarikat yang layak secara bertulis kepada Menteri tidak lewat dari sembilan puluh hari sebelum tamat tempoh pengecualian yang disebut dalam subperenggan 3(1).

(3) Pelanjutan tempoh pengecualian hendaklah bermula dari tarikh berikutnya selepas tamat tempoh pengecualian yang disebut dalam subperenggan 3(1) dan berterusan selama tempoh lima tahun.

Pendapatan berkanun

5. (1) Pendapatan berkanun suatu syarikat yang layak yang diperoleh daripada aktiviti yang layak dalam tempoh asas bagi suatu tahun taksiran hendaklah ditentukan selepas memotong elaun yang sepatutnya dituntut di bawah Jadual 3 kepada Akta walaupun tiada tuntutan bagi elaun itu telah dibuat.

(2) Pendapatan syarikat yang layak bagi setiap tempoh perakaunan bagi aktivitinya yang layak hendaklah dikira mengikut Akta dengan—

(a) menyifatkan setiap tempoh perakaunan itu sebagai tempoh asas bagi tahun taksiran, yang termasuk hari terakhir tempoh perakaunan yang berkenaan itu; dan

(b) menentukan pendapatan yang berkenaan itu seolah-olah ia adalah pendapatan berkanun daripada perniagaan bagi tahun taksiran itu.

(3) Amaun pendapatan berkanun yang diperoleh daripada aktiviti yang layak dalam tempoh asas bagi suatu tahun taksiran yang berkenaan dengannya pembayaran cukai pendapatan dikecualikan di bawah Perintah ini adalah seperti yang berikut:

- (a) tujuh puluh peratus daripada pendapatan berkanun itu bagi tempoh pengecualian yang disebut dalam subperenggan 3(1); atau
 - (b) seratus peratus daripada pendapatan berkanun itu bagi tempoh pengecualian lanjutan yang diberikan di bawah perenggan 4.
- (4) Amaun pendapatan berkanun yang disebut dalam subperenggan (3) hendaklah dikurangkan dengan—
- (a) kerugian larasan tahun semasa daripada apa-apa perniagaan selain perniagaan perintis, apa-apa perniagaan diluluskan yang dikecualikan di bawah Perintah Cukai Pendapatan (Pengecualian) (No. 11) 2006 [P.U. (A) 112/2006] dan aktiviti yang layak yang dikecualikan di bawah Perintah ini; dan
 - (b) apa-apa kerugian larasan yang tidak diserap atau kerugian larasan tahun semasa daripada—
 - (i) apa-apa perniagaan perintis;
 - (ii) apa-apa perniagaan diluluskan yang dikecualikan di bawah Perintah Cukai Pendapatan (Pengecualian) (No. 11) 2006 [P.U. (A) 112/2006]; dan
 - (iii) apa-apa aktiviti yang layak yang dikecualikan di bawah Perintah ini.

(5) Sekian banyak daripada kerugian larasan yang disebut dalam subsubperenggan (4)(a) dan (b) yang digunakan untuk mengurangkan pendapatan berkanun bagi aktiviti yang layak untuk suatu tahun taksiran tidak boleh diambil kira bagi maksud subseksyen 43(2) dan 44(2) Akta, seksyen 21A dan 25 Akta Penggalakan Pelaburan 1986 atau Perintah Cukai Pendapatan (Pengecualian) (No. 11) 2006, mengikut mana-mana yang berkenaan.